

# BAB 5




## UNIT EIA

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima dan memproses sebanyak 11 Laporan EIA pada tahun 2015.

11 Laporan EIA Awal telah diproses mengikut garis panduan dan standard MS ISO 9001:2008. Dari jumlah tersebut 8 laporan telah diluluskan sementara 2 laporan ditolak kerana tidak memenuhi kehendak Seksyen 34A (2), AKAS 1974 dan 1 laporan tidak diproses kerana telah ditarik balik oleh jururunding EIA atas alasan terdapat perubahan dalam senarai jururunding EIA.


Rajah 5.1 di bawah menunjukkan Bilangan Laporan EIA Awal yang diproses pada tahun 2015 berdasarkan aktiviti di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 dan juga aktiviti di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang telah dikuatkuasakan bermula 28 Ogos 2015.



Rajah 5.1: Bilangan Laporan EIA Awal, Tahun 2015

Jadual 5.1: Senarai laporan EIA mengikut jenis industri, Tahun 2015

Bil.	Jenis Aktiviti / Industri	Bilangan Laporan Diproses
1.	Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak)	3
2.	Pembinaan loji pulihguna (luar tapak)	1
3.	Pemajuan medan minyak dan gas	3
4.	Industri Kimia	3
5.	Pembinaan stesen-stesen janakuasa kitar padu	1




Rajah 5.2: Bilangan Laporan EIA Awal mengikut jenis industri, Tahun 2015

## LAPORAN PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT)

Pada tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima sebanyak 137 permohonan penilaian awal tapak (PAT). Dari jumlah tersebut 116 permohonan PAT adalah bagi industri/premis umum manakala 21 permohonan yang diterima adalah bagi premis/aktiviti yang ditetapkan (premis tertakluk EIA, kilang kelapa sawit, kilang getah asli mentah, premis penstoran/pemerolehan kembali buangan terjadual). Berikut adalah Jadual Bilangan Permohonan PAT bagi Tahun 2015 mengikut pecahan Bahagian Negeri Sarawak:

Jadual 5.2: Bilangan Permohonan PAT, Tahun 2015


Bil.	Bahagian	Bilangan Permohonan Diproses	
		Umum	Premis/Aktiviti Yang Ditetapkan
1	Kuching	39	5
2	Samarahan	15	1
3	Sri Aman	1	3
4	Betong	1	0
5	Sibu	20	0
6	Mukah	2	1
7	Miri	13	3
8	Bintulu	21	8
9	Limbang	1	0
10	Sarikei	1	0
11	Kapit	2	0
<b>JUMLAH</b>		<b>116</b>	<b>21</b>
		<b>137</b>	



Rajah 5.3: Bilangan Permohonan Penilaian Awal Tapak yang diproses pada Tahun 2015


## PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN EIA

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 48 lawatan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh unit Penguatkuasaan EIA dari JAS Kuching yang melibatkan 26 projek/premis yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Penguatkuasaan ini juga adalah meliputi projek/premis yang terletak di luar Kuching seperti di Bintulu dan Sibu.




Rajah 5.4: Bilangan lawatan mengikut jenis industri Tahun 2015

Rajah 5.4 menunjukkan bahawa pada Tahun 2015, kebanyakan lawatan penguatkuasaan EIA adalah mengfokuskan penguatkuasaan terhadap projek-projek EIA di dalam peringkat pembinaan. Projek-projek EIA lain yang terlibat di dalam penguatkuasaan EIA pada tahun 2015 juga adalah kebanyakannya daripada sektor pengilangan logam dan juga premis Buangan Terjadual.



Rajah 5.5: Tindakan susulan lawatan penguatkuasaan Tahun 2015

Rajah 5.5 menunjukkan kekerapan tindakan susulan yang diambil oleh pasukan penguatkuasaan Post EIA sepanjang tahun 2015. Tindakan ini diambil terhadap pemaju projek ataupun pemilik premis sekiranya pemaju projek/pemilik premis gagal di dalam mematuhi Syarat-syarat Kelulusan Laporan EIA yang diberikan. Keseluruhannya, semua tindakan susulan sepanjang tahun 2015 telah mendapat maklumbalas daripada pemaju-pemaju projek/premis-premis yang terlibat.



Rajah 5.6: Laporan-Laporan Pematuhan Syarat EIA (*Desk Monitoring*) Tahun 2015


Rajah 5.6 menunjukkan jumlah laporan-laporan yang diterima oleh JAS Negeri Sarawak sepanjang tahun 2015. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan oleh pihak pemaju projek/pemilik premis bagi memaklumkan Jabatan berkenaan perkembangan projek, masalah-masalah yang dihadapi, keberkesanan pelan kawalan pencemaran dan juga bagi mematuhi Syarat-syarat Kelulusan Laporan EIA. Melalui laporan-laporan ini juga, pegawai-pegawai turut dapat menyemak status-status pematuhan projek/premis terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan kaedah ini dinamakan *desk monitoring*.

## SISTEM MAKLUMAT (ICT)

### Penyelenggaraan Peralatan ICT

#### A. Penyelenggaraan Alatan ICT Mengikut Aduan

Unit ICT JAS Sarawak telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berdasarkan aduan dari kakitangan JAS Sarawak. Maklumbalas terhadap aduan adalah tertakluk dengan syarat MS ISO. Rajah 5.7 dibawah menunjukkan jumlah bilangan penyelenggaraan yang telah dilakukan bagi tahun 2015 di mana jumlah keseluruhan penyelenggaraan adalah 96 aduan. Penyelenggraan tersebut melibatkan penyelenggaraan dalaman sebanyak 94 aduan dan penyelenggaraan luaran sebanyak 2 aduan. Penyelenggraan luaran tersebut melibatkan kos sebanyak RM423.00. Kesemua aduan telah diselesaikan berdasarkan kehendak MS ISO.



Rajah 5.7: Aduan Penyelenggaraan Peralatan ICT Bagi Tahun 2015

## B. Penyelenggaraan Berkala Peralatan ICT

Bagi memastikan peralatan ICT di JAS Sarawak dapat digunakan secara optimum, Unit ICT JAS Sarawak telah pun menjalankan penyelenggaraan berkala terhadap peralatan ICT seperti server, komputer peribadi, komputer riba, pencetak dan komputer tablet. Penyelenggaraan ini melibatkan JAS Cawangan Sibul, Bintulu dan Miri. Antara fokus utama penyelenggaraan pada tahun 2015 adalah melibatkan perkara berikut:

1. Membuat pemeriksaan & penetapan IP Address (JAS Sarawak + Cawangan)
2. Update Sistem Server secara berkala bagi memastikan performance server konsisten. (JAS Sarawak)
3. Update Antivirus Kaspersky Endpoint v6 kepada v10 telah dilaksanakan.
4. Pelaksanaan pemasangan perisian mengikut keperluan/permintaan telah dilaksanakan.

Jadual 5.3 di bawah dibawah menunjukkan aktiviti penyelenggaraan yang telah dibuat secara berkala bagi tempoh sepanjang tahun 2015.

Jadual 5.3: Penyelenggaraan berkala bagi Tahun 2015

Bulan	JAS Kuching	JAS Sibul	JAS Bintulu	JAS Miri
Januari	√			
Februari	√			
Mac	√	√		
April	√		√	√
Mei	√			
Jun	√			
Julai	√			√
Ogos	√			
September	√			
Oktober	√			
November	√	√	√	
Disember	√			


## Pengurusan Sistem

Unit ICT terlibat secara terus dengan pengurusan sistem-sistem yang diguna pakai di JAS Sarawak. Salah satu tugas utama adalah memastikan kelancaran sistem agar memudahkan kerja-kerja kakitangan JAS Sarawak. Jadual 5.4 berikut menunjukkan perkembangan Sistem Jabatan Alam Sekitar bagi tahun 2015:

Jadual 5.4: Perkembangan Sistem di Jabatan Alam Sekitar bagi Tahun 2015

Perkara	Penutupan Sistem Lama	Kuatkuasa Sistem Baru
Pertukaran Sistem MDMR kepada OER	21.4.2015	18.5.2015
Pertukaran Sistem ECN kepada ESWIS	25.5.2015	25.5.2015
Sistem MFORCE	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan Sistem MFORCE telah dijalankan</li> <li>• Latihan kepada pegawai terlibat telah dijalankan di seluruh JAS Sarawak</li> </ul>	
Server GIS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Naiktaraf Software ArtGis daripada versi 9.2 kepada versi 10.1</li> </ul>	
Naiktaraf Sistem EKAS versi 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam pembangunan</li> </ul>	

Rajah 5.8 dibawah menunjukkan bilangan kekerapan aduan yang diterima oleh Unit ICT berhubung dengan sistem-sistem yang diselia oleh Unit ICT.




Rajah 5.8: Kekerapan Aduan Sistem Bagi Tahun 2015

## Pengurusan Rangkaian

Pada tahun 2015, Unit ICT telah mewujudkan satu server DHCP bagi menangani penggunaan wi-fi. Walaubagaimanapun, capaian wi-fi dihadkan kepada 50 pengguna pada satu-satu masa dengan maksimum capaian adalah 8 jam sahaja bagi seorang pengguna. Untuk memudahkan urusan pegawai, IP address telah disusun semula, dimana semua komputer peribadi, server dan workstation akan menggunakan statik IP, manakala komputer tablet, komputer riba dan telefon pintar akan menggunakan dinamik IP memandangkan peralatan tersebut menggunakan capaian wi-fi.

### A. Penggunaan IP




Rajah 5.9: Penggunaan IP di JAS Sarawak pada Tahun 2015

### B. Kapasiti Network

Pada tahun 2015, pihak GiTN menaiktaraf semula kapasiti rangkaian internet dari 4mbps kepada 10mbps bagi menyediakan rangkaian Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak bersedia untuk memasuki penggabungan rangkaian antara kementerian yang dikenali sebagai **1govuc**.

Perkara ini turut melibatkan cawangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang lain seperti Cawangan Sibul, Bintulu dan Miri di mana kapasiti telah ditingkatkan

kepada 4mbps berbanding 2mbps sebelumnya. Keterangan mengenai peningkatan kapasiti dirumuskan melalui Rajah 5.10 dibawah:



Rajah 5.10: Peningkatan Kapasiti Rangkaian

### C. Pecahan Penggunaan Rangkaian Mengikut Keutamaan

Jadual 5.5 dan Jadual 5.6 dibawah menunjukkan keutamaan penggunaan rangkaian yang terdapat di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak mengikut pecahan penggunaan *packet data Inbound* dan *Outbound*.

Jadual 5.5: Top 'Inbound' Kumpulan Aplikasi

Name	Packets	Data (MB)	Throughput (kbps)	Flows	
Social Networking	46155273	60178.41	202.42	4729.93	4456
Web	40070955	32289.82	51.84	8108.78	19725
Streaming	13929130	18515.86	756.64	7023.88	376
Other	12933512	14679.04	96.43	8507.83	13160
Software Updates	9823656	12728.64	179.41	6609.06	396
Instant Messaging	319665	370.988	111.15	3273.75	386
Mail	211770	181.502	15.61	2879.22	118
File Services	126062	161.733	102.01	3094.21	3
Speedtest Group	108129	99.604	47.29	1175.6	23
VPN	575525	31.843	0.24	1.9	5
Database Services	61942	23.238	5.61	861.63	11
P2P	25783	9.204	5.92	26.63	4
Interactive	51457	8.124	1.44	11.69	403
Thin Client	4563	0.47	0.33	5.05	6


Games	247	0.096	2.78	14.72	16
Unified Communications	247	0.088	2.17	8.31	12
Voice	88	0.038	2.9	10.16	6

Jadual 5.6: Top 'Outbound' Kumpulan Aplikasi

Name	Packets	Data (MB)	Throughput (kbps)	Flows
Web	27627489	6112.321	9.82	7161.26
Other	10624567	3666.511	15.71	8328.4
Social Networking	31982134	2571.414	8.73	156.18
Streaming	7973996	482.434	18.79	159.16
Software Updates	5281893	372.259	5.15	138.83
Instant Messaging	218077	75.724	22.82	2367.69
Mail	162319	47.525	4.09	1016.52
VPN	574768	36.196	0.27	4.47
Database Services	68048	25.718	6.21	538.97
Speedtest Group	64616	10.191	4.84	46.08
Interactive	52779	4.339	0.74	4.97
File Services	66387	4.277	4.88	68.13
Thin Client	7007	3.488	2.48	96.8
P2P	15869	1.797	1.24	5.49
Games	303	0.065	1.81	12.9
Unified Communications	276	0.058	1.42	17.25
Voice	112	0.033	2.5	5.66

#### D. Perkembangan Emel 1GOVUC Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

Rajah 5.11 berikut adalah struktur pakej 1GOVUC JAS Sarawak bagi tahun 2015:



Rajah 5.11: Struktur pakej 1GOVUC JAS Sarawak Tahun 2015


## Perolehan Peralatan ICT

Berikut adalah jumlah perolehan semasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak bagi tahun 2015 mengikut pecahan cawangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak.

Jadual 5.7: Jumlah perolehan semasa JAS Sarawak mengikut cawangan.

Aset	Kuching	Sibu	Bintulu	Miri	Jumlah
Komputer Desktop	89	12	19	13	133
Laptop	19	3	2	2	26
Printer	60	15	19	16	110
Pengimbas	15	2	2	1	20
Server	4	0	0	1	5
Router	1	1	1	1	4
Tablet/PDA	14	2	2	2	20
Printer Woosim	5	1	1	1	8
<b>JUMLAH</b>	<b>207</b>	<b>36</b>	<b>46</b>	<b>37</b>	<b>326</b>

Pada tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah mendapat bekalan perolehan peralatan dari ibu pejabat seperti yang diterangkan oleh carta dibawah.



Rajah 5.12: Bilangan bekalan perolehan peralatan yang diterima dari Ibu Pejabat JAS.

## PENDIDIKAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar. Program-program yang dijalankan meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran dan kem kesedaran alam sekitar, ianya juga melibatkan penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak, iaitu risalah-risalah seperti (Era Hijau, Impak) dan media elektronik. Perkhidmatan pusat sumber juga disediakan sebagai sumber rujukan orang awam, pihak perunding dan pelajar.

### Ceramah Alam Sekitar

Aktiviti ceramah alam sekitar yang diberikan kepada para pelajar sekolah dan orang awam/masyarakat bertujuan untuk menanam kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Ceramah bersifat promosi alam sekitar turut digunapakai khususnya kepada komuniti industri bagi meningkatkan tahap pengurusan alam sekitar selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 4 siri ceramah alam sekitar telah dilaksanakan kepada beberapa kumpulan sasaran di seluruh Negeri Sarawak seperti di Jadual 5.8 di bawah.

Jadual 5.8: Ceramah-Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2015

Bil.	Tempat	Tajuk Ceramah	Tarikh	Kumpulan Sasaran
1	SK St. Teresa	Ceramah Sempena Program Go Green	15 April	Guru dan Pelajar
2	Taiyo Yuden (SWK) Sdn.Bhd.	Ceramah Sempena Program Minggu Kesihatan, Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar	13 Mei	Orang Awam
3	Janakuasa Elektrik Hidro Batang Ai, Lubak Antu, Sri Aman	Ceramah Program sempena Program Minggu Alam Sekitar, Keselamatan Pekerjaan Sarawak	9 Jun	Orang Awam
4	UNIMAS	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar	31 Sept	Pelajar



**Gambar Program Ceramah Tahun 2015**

### **Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)**

Kem Kesedaran Alam Sekitar dilaksanakan bertujuan untuk memupuk kesedaran alam sekitar di kalangan generasi muda supaya mereka menjadi warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab serta meningkatkan kesedaran, menambah ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman mengenai pendidikan alam sekitar. Program ini sentiasa mendapat kerjasama dari agensi kerajaan seperti Sarawak Forestry Corporation (SFC), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) dan agensi/Jabatan Kerajaan yang lain. Sebanyak 1 kem telah dijalankan melibatkan pelajar dan guru dari 4 buah sekolah di sekitar Miri iaitu SMK Merbau, SMK Bekenu, SMK Lutong dan SMK Lopeng Tengah yang telah diadakan di Borneo Tropical Rainforest Resort, Lambir, Miri. Antara aktiviti yang diadakan seperti senamrobik, aktiviti mengenai hutan, aktiviti mengenai ladang kelapa sawit, *Jungle Trekking*, Keselamatan di air, permainan alam sekitar, ceramah, persembahan kumpulan dan Majlis Perasmian Penutupan.

Perincian pelaksanaan program tersebut adalah seperti di Jadual 5.9 di bawah.

Jadual 5.9: Pelaksanaan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) Tahun 2015

Bil.	KeKAS Sekolah	Tarikh	Jumlah Hari	Peserta	Lokasi KeKAS	Modul KeKAS
1	SMK Merbau	7-9 Ogos	3 hari dan 2 malam	10 orang pelajar dan 2 orang guru pengiring	Borneo Tropical Rainforest Resort, Lambir, Miri	Ekosistem Hutan, Ekosistem Ladang Kelapa Sawit
2	SMK Bekenu					
3	SMK Lutong					
4	SMK Lopeng Tengah					



**Gambar program KeKAS yang dijalankan**



**Gambar program KeKAS yang dijalankan**



**Gambar program KeKAS yang dijalankan**

### **Pameran Alam Sekitar**

Sebanyak 13 pameran telah diadakan bersempena pelbagai sambutan dan acara perasmian yang diadakan oleh pelbagai agensi kerajaan, pihak sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, di sekitar dan juga di luar bandaraya Kuching. Pelaksanaan pameran tersebut seperti di Jadual 5.10.

Jadual 5.10: Pameran Alam Sekitar, Tahun 2015

Bil.	Lokasi Pameran	Tajuk Pameran	Tarikh	Kumpulan Sasaran
1	Malaysia Airport Sdn.Bhd.	Pameran Sempena "MAHB Green Day"	5 Feb	Orang Awam
2	Dewan Masyarakat Kampung Mambong	Pameran Sempena Majlis Pelancaran Program Kesedaran Alam Sekitar Murid-Murid Tabika Kemas	3 Mac	Orang Awam / Pelajar
3	Kolej Teknologi Lanjutan Sarawak (ICAT)	Pameran Sempena Sambutan Hari Bumi	30 April	Pelajar

4	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	Pameran Sempena Program <i>Hello FRST</i>	5-7 Mei	Pelajar
5	Taiyo Yuden (Swk) Sdn.Bhd.	Pameran Sempena Minggu Kesihatan, Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar	13 Mei	Orang Awam
6	Janakuasa Elektrik Hidro Batang Ai, Lubok Antu, Sri Aman	Pameran Sempena Minggu Alam Sekitar, Keselamatan Pekerjaan Sarawak	9 Jun	Orang Awam
7	Hotel Pullman	Pameran Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia	17 Jun	Orang Awam
8	Medan Niaga Satok	Pameran Sempena Minggu Alam Sekitar Malaysia	31 Okt	Orang Awam/ Pelajar



**Gambar pameran sepanjang Tahun 2015**

## Penyebaran Maklumat Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2015, risalah-risalah termasuk poster, *flyers* dan pamphlet Jabatan mengenai pencemaran sungai, pencemaran udara, buangan terjadual, teknologi bersih (CP) dan pemeriksaan asap hitam kenderaan (enjin diesel dan petrol) telah diedarkan kepada pihak industri, orang awam dan pelajar sekolah, manakala pengumpulan maklumat mengenai alam sekitar melalui keratan akhbar tempatan dijadikan rujukan sebagai mendapatkan input awam.



## Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar

Sebanyak 1 siri promosi Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) telah diadakan di Bahagian Kuching dan Samarahan melibatkan kerjasama dengan pihak Sarawak Shell Berhad. Para peserta terdiri daripada guru di Bahagian Kuching dan Samarahan (Jadual 5.11).

Jadual 5.11: Pelaksanaan Bengkel SLAAS, Tahun 2015

Bil.	Nama Seminar/Bengkel SLAAS	Tempat dan Tarikh	Peserta	Jumlah Peserta
1	Bengkel Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar dan Pendidikan Alam Sekitar Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2015	Regency Rajah Court Hotel 7-9 Oktober 2015	Guru Bahagian Kuching dan Samarahan	50 orang



**Gambar program bengkel SLAAS, Tahun 2015**

## Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2015

Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2015 dengan kerjasama dari pihak FAMA Negeri Sarawak, telah diadakan pada 31 Oktober 2015 (Sabtu) di Medan Niaga Satok yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia merangkap Ahli Parlimen P. 193 Santubong. Diantara objektif penganjuran MASM ialah bertujuan merapatkan perhubungan di antara agensi/jabatan kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi bersama-sama terlibat di dalam usaha berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Tema sambutan MASM ialah **"Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari"**. Tema ini dipilih bagi menekankan kepada aspek menjaga kelestarian alam sekitar dalam menjalani kehidupan.

Antara aktiviti semasa Majlis Pelancaran ialah JJMRAS 30KM Fun Ride, pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna, pertandingan kitar semula, ujian CO/HC kenderaan bermotor, cabutan bertuah, senamrobik, Watikah Pelantikan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) dan pameran. Dianggarkan seramai 550 orang telah menghadiri Majlis Pelancaran Minggu Alam Sekitar (MASM) Peringkat Negeri Sarawak 2015. Antara aktiviti yang dijalankan ialah seperti Jadual 5.12 berikut:

Jadual 5.12: Status Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Bersempena Sambutan MASM Peringkat Negeri Sarawak, Tahun 2015

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Peserta	Bilangan Peserta
1	29 Okt	Pertandingan Kitar Semula	Pelajar	50 Orang
2	31 Okt	Majlis Pelancaran Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Sarawak	Orang Awam	500 Orang



**Program bersempena sambutan MASM peringkat Negeri Sarawak, Tahun 2015**



**Program Bersempena Sambutan MASM Peringkat Negeri Sarawak, Tahun 2015**

## Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2015

Hari Alam Sekitar Sedunia telah diadakan pada 17 Jun 2015, bertempat di Hotel Pullman, Kuching. Tema Hari Alam Sekitar Sedunia ialah “**Seven Billion Dreams, One Planet, Consume With Care**”. Antara aktiviti yang disusun ialah seperti di Jadual 5.13 berikut:

Jadual 5.13: Status Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia, Tahun 2015

Bil	Aktiviti	Tarikh	Peserta	Bilangan Peserta
1	Slot Temubual di stesen Radio	5 Jun	-	-
2	Khutbah Jumaat		-	-
3	Pameran & Ekspo	17 Jun	Wakil Pihak Kilang	250 Orang
4	Seminar Kilang kelapa Sawit (KKS)			
5	Majlis Penyerahan Lesen			
6	Anugerah Kilang Kelapa Sawit Lestari			



**Gambar aktiviti Hari Alam Sekitar Sedunia, Tahun 2015**



**Gambar aktiviti Hari Alam Sekitar Sedunia, Tahun 2015**

## Sambutan Hari Bumi 2015

Hari Bumi telah diadakan pada 30 Jun 2015, bertempat di Kolej Antarabangsa Teknologi Lanjutan Sarawak (ICAT). Antara aktiviti yang disusun ialah seperti di Jadual 5.14 berikut:

Jadual 5.14: Status Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Bersempena Hari Bumi, Tahun 2015

Bil	Aktiviti	Peserta	Bilangan Peserta
1	Pameran	Pelajar	120 orang
2	Natural Hunt		
3	Kitar Semula		



**Gambar aktiviti Hari Bumi, Tahun 2015**



**Gambar aktiviti Hari Bumi, Tahun 2015**

### **Modul Kesedaran Alam Sekitar (KAS) Bagi Para Murid Tadika/Tabika Dan Taska**

Modul ini diwujudkan untuk menyemai dan memupuk sikap prihatin dan mencintai alam sekitar di peringkat awal usia. Terdapat 5 buah Modul Kesedaran Alam Sekitar yang diperkenalkan kepada para murid Tadika/Tabika dan murid Taska. Antara Modul tersebut ialah Modul Kitar Semula, Modul Air, Modul Tumbuhan, Modul Udara dan Modul Haiwan. Berikut adalah pelaksanaan Tabika Kemas yang dipilih didalam Modul

Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2015. Tabika yang terlibat ialah seperti di Jadual 5.15 di bawah.

Jadual 5.15: Status pelaksanaan Tabika Kemas yang dipilih di dalam Modul Kesedaran Alam Sekitar, Tahun 2015

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tabika</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>
1	3/3/2015	Tabika Kemas Mambong (Majlis Pelancaran)	38
2	4/3/2015	Tabika Kemas Pulapol	37
3	5/3/2015	Tabika Kemas Duras	11
4	10/3/2015	Tabika Kemas Seratau	37
5	11/3/2015	Tabika Kemas Segedup	8
6	25/3/2015	Tabika Kemas Kopodims	13
7	26/3/2015	Tabika Kemas Tupong	25
8	31/3/2015	Tabika kemas Kpg. Sungai Maong	29
9	1/4/2015	Tabika Kemas Taman Sri Harmoni	60
10	2/4/2014	Tabika Kemas Jalan Mendu	28
11	7/4/2015	Tabika Kemas Sungai Apong Baru	42
12	9/4/2015	Tabika Kemas Sri Maimunah	10
13	14/4/2015	Tabika Kemas Polis Marin	31
14	16/4/2015	Tabika Kemas Kpg. Sinar Budi Baru	45
15	21/4/2015	Tabika Kemas Stampin Iban	20
16	22/4/2015	Tabika Kemas Kpg. Sg. Tapang	29
17	23/4/2015	Tabika Kemas Kpg. Rantau Panjang	28
18	28/4/2015	Tabika Kemas kompleks TUDM	57
<b>JUMLAH PELAJAR</b>			<b>548</b>



**Majlis Pelancaran Program Kesedaran Alam Sekitar (KAS) di Tabika Kemas Kg. Mambong, Tahun 2015**



**Program Kesedaran Alam Sekitar (KAS) bagi Pra Murid Tabika, Tahun 2015**